

31 OCT 2001

Parlimen-Mahathir

KEHADIRAN DR MAHATHIR DITUNGGU KERANA BUAH FIKIRANNYA

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan antarabangsa amat ditunggu-tunggu dan mendapat perhatian kerana pemimpin lain mahu mendengar pandangannya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar berkata Dr Mahathir merupakan seorang pemimpin yang begitu diharapkan buah fikiran.

"Kita kena terima hakikat Dr Mahathir jadi contoh. Apa juga dasar yang dibuat kini jadi ikutan," katanya ketika menjawab soalan Datuk Mohamed Ali Hassan (BN-Tebrau).

Noh memberi contoh Malaysia dahulu dikritik dan dihentam oleh pihak antarabangsa kerana melaksanakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tetapi hari ini Amerika Syarikat mengikut dasar itu.

Beliau berkata Malaysia juga enggan mengikut nasihat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika menghadapi kegawatan tetapi hari ini IMF mengiktiraf dasar ekonomi yang dilaksanakan negara ini.

Noh berkata setakat ini tidak ada lagi pemimpin pembangkang negara ini yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Secara purata, katanya, Perdana Menteri menghadiri forum sebanyak dua kali dalam masa sebulan.

Semasa menjawab soalan asal Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman), beliau berkata Dr Mahathir menghadiri sebanyak 33 forum antarabangsa pada tahun lepas manakala 21 forum lagi dihadapinya tahun ini.

Dua puluh empat daripada forum itu anjuran kerajaan dan organisasi tempatan manakala 30 lagi anjuran organisasi korporat dan antarabangsa.

-- BERNAMA

SHS NZ RON